

Ceburi industri sokongan — Dr. M

U 13 APR 1994

KLANG 12 April — Para usahawan tempatan perlu berani melibatkan diri dalam industri-industri sokongan yang boleh memajukan industri elektronik, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata, kerajaan berhasrat memelihara hubungan pembekal-pembekal dengan industri-industri sokongan dalam bidang elektronik kerana ia dapat

mewujudkan integrasi tambahan pada sektor ekonomi dan penggunaan sumber tempatan yang lebih tinggi.

Menurut Dr. Mahathir, dua kriteria telah ditetapkan dalam usaha memastikan lebih banyak lagi syarikat tempatan mendapat manfaat daripada pembangunan pesat yang sedang berlaku di dalam industri elektronik.

Beliau berkata, kriteria-kriteria yang ditetap-

kan bagi mendapat insentif cukai ialah penggunaan bahan-bahan tempatan dan pembangunan sektor yang berkaitan dengan ekonomi.

"Adalah dijangkakan bahawa kriteria-kriteria ini dapat membantu mewujudkan sektor yang berkaitan dengan ekonomi yang sepatutnya di antara industri sokongan," kata beliau ketika berucap merasmikan kilang elektronik, Casio (Malay-

sia) Sdn. Bhd., di Kawasan Perindustrian Bukit Raja di sini, hari ini.

Perdana Menteri berkata, dua isu penting yang dihadapi oleh industri tersebut ialah tahap penyertaan tempatan yang rendah dan kekurangan industri-industri sokongan yang mencukupi.

Kata beliau, industri elektronik juga dikuasai oleh orang asing dengan kebanyakan syarikat yang terdapat merupakan anak-anak syarikat milik asing.

"Syarikat-syarikat milik penuh tempatan pula adalah kecil bilangannya, di mana kebanyakan mereka terlibat di dalam kontrak kecil ataupun pembuatan komponen plastik atau pun logam," katanya.

Dr. Mahathir memberitahu, kerajaan juga menggalakkan usahasama-usahasama bagi menambah penyertaan tempatan di dalam industri elektronik di negara ini.

Tambah beliau, penekanan juga perlu diberikan untuk menggalakkan pertumbuhan di dalam sektor elektronik pengguna.

Menurutnya, langkah itu dapat mengurangkan pergantungan yang terlalu tinggi kepada sektor komponen khususnya sektor semi-konduktor.

Beliau memberitahu, pada tahun 1992, sektor komponen elektronik menyumbang 43.8 peratus

berbanding dengan 84 peratus pada tahun 1984, sektor elektronik pengguna 26.6 peratus (12 peratus) dan sektor elektronik industri 29.6 peratus (4 peratus).

Kata beliau, sasaran yang ditetapkan oleh Pelan Induk Malaysia menjelang tahun 1995 iaitu 61 peratus bagi sektor komponen elektronik, elektronik pengguna (24 peratus) dan elektronik industri (15 peratus) telah dicapai.

"Ini menunjukkan sasaran bagi sektor elektronik pengguna telah dicapai manakala sektor elektronik industri telah mencatatkan pertumbuhan yang lebih tinggi daripada sasarannya," katanya.

Perdana Menteri berkata, pencapaian yang lebih baik daripada jangkaan merupakan satu petunjuk bahawa iklim pelaburan di Malaysia adalah menarik bagi pelabur-pelabur asing.

"Pada masa yang sama keadaan persekitaran ekonomi yang lembap di Jepun yang mana telah menyebabkan syarikat-syarikat Jepun beralih mencari pasaran luar," katanya.

Kilang Casio yang didirikan pada Oktober 1990 itu merupakan yang keempat diwujudkan di luar negara Jepun dan terbesar di rantau Asia Tenggara.

Kilang tersebut menyediakan peluang pekerjaan kepada 2,100 orang.